

19/08/1998

Majikan, pekerja sokong usaha pulihkan ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa - Majikan dan pekerja di seluruh negara menyokong penuh segala usaha kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan ekonomi negara.

Sokongan itu dinyatakan pada mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC), baru-baru ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata sokongan itu diberi kerana pekerja dan majikan percaya kerjasama pihak berkenaan dengan kerajaan juga penting ke arah pemulihan ekonomi negara.

"Inilah pengakuan dan komitmen mereka bagi membantu Perdana Menteri dan negara yang tercinta," katanya pada Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1998 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Perhimpunan kali kelapan yang dihadiri kira-kira 3,000 pekerja pelbagai sektor di seluruh negara itu turut mendengar amanat khas daripada Perdana Menteri.

(END)